



GARIS PANDUAN BAGI MENGHADIRI ACARA PENGEBUMIAN DAN AKTIVITI SEUMPAMANYA SEWAKTU WABAK COVID-19 (BAGI JENAZAH YANG TIDAK DIJANGKITI COVID-19)

[Berkuatkuasa mulai 21 Mac 2020]

Dalam sudut Ugama Islam, apabila seorang Muslim meninggal dunia, adalah menjadi kewajipan fardu kifayah bagi individu, ahli keluarga atau sebahagian anggota masyarakat untuk menyelenggara dan menguruskan jenazah tersebut. Di kalangan penduduk-penduduk yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam, menziarahi atau menghadiri acara pengebumian adalah perkara lazim yang dilakukan.

Memandangkan keadaan jangkitan COVID-19 pada masa ini dan berikutan larangan perkumpulan besar-besaran oleh Kementerian Kesihatan pada 13 Mac 2020, garis panduan bagi menghadiri acara pengebumian dan aktiviti seumpamanya sewaktu wabak COVID-19

Bagi yang mengurus dan menghadiri acara pengebumian hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan dari terjadinya penularan jangkitan seperti berikut:

- Sebaiknya, hanya ahli keluarga yang terdekat sahaja atau sesiapa yang dikenalpasti sebagai penting sahaja oleh ahli keluarga dan yang tidak melebihi 30 – 50 orang untuk menghadiri acara tersebut.
- Menziarahi secara bergilir-gilir bagi mengelakkan kesesakan.
- Di samping itu, seboleh-bolehnya untuk menjaga penjarakkan sosial '*social distancing*' sejauh 1 meter.
- Menasihatkan bagi mereka yang terdiri daripada kalangan berikut **TIDAK** perlu hadir:
 - Warga emas
 - Mereka yang menghidapi penyakit-penyakit kronik
 - Individu yang '*immunocompromised*' (tiada atau rendah daya sistem imun)
 - Wanita yang mengandung
 - Anak-anak kecil dan kanak-kanak 5 tahun kebawah

- Memohon kerjasama ahli keluarga dan sahabat handai yang mengalami demam atau batuk selsema supaya **TIDAK** hadir ke acara tersebut.
- Memendekkan atau menghadkan masa sebaik mungkin ketika menziarah atau menghadiri acara pengebumian.
- Menghadkan jumlah mereka yang mengurus jenazah di kawasan perkuburan dan membaca tahlil di kawasan kubur serta mengamalkan penjarakkan sosial.
- Mengelakkan dari bersalaman atau berpelukan buat masa ini, hanya sekadar ucapan takziah secara lisan. Ucapan-ucapan takziah juga boleh disampaikan dengan cara-cara lain termasuk menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas, media sosial dan lain-lain.
- Semua orang yang menghadiri acara pengebumian/ziarah perlu mengambil langkah berjaga-jaga, termasuk mengamalkan kebersihan diri, kerap mencuci tangan atau menggunakan sanitiser tangan dan menjaga etika batuk dan bersin setiap masa.